

## CABARAN PELAKSANAAN WAKAF UNIVERSITI AWAM DI MALAYSIA: ANALISIS MENURUT PERUNDANGAN DI MALAYSIA

*(The Challenges of the Implementation of Waqf at Malaysian  
Public Universities: An Analysis According to the Legal  
Perspective)*

*Siti Mashitoh Mahamood*  
mas68@um.edu.my

*Asmak Ab. Rahman*  
asmak@um.edu.my

*Azizi Che Seman*  
azizi@um.edu.my

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

### Abstrak

Wakaf merupakan suatu instrumen alternatif yang amat signifikan dilaksanakan bagi menjana dana demi kelangsungan dan kelestarian universiti awam (UA) negara. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya berdepan dengan masalah perundangan, seperti keperluan mendapatkan kelulusan daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf negeri di Malaysia, termasuk Wilayah Persekutuan, dan masalah ketiadaan insentif dan pelepasan cukai kepada pihak pewakaf dan UA di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53). Artikel ini meneliti perundangan wakaf IPT menggunakan pendekatan metod kualitatif dan pengalaman mengendalikan masalah wakaf di Malaysia. Kajian mendapati pemakaian beberapa autoriti syariah dan perundangan menerusi Perlembagaan Persekutuan, statut wakaf dan statut pentadbiran agama Islam negeri, pindaan statut yang berkaitan dengan percukaian, serta pelibatan Majlis Raja-Raja Melayu dapat menyelesaikan masalah pelaksanaan wakaf UA negara.

Kata kunci: wakaf, undang-undang, Majlis Agama Islam Negeri, institusi pengajian tinggi, universiti awam, Kementerian Pengajian Tinggi



### *Abstract*

*In Malaysia, waqf (Islamic endowment) has been implemented to a significant degree in institutions of higher learning, especially in public universities (UA). Due to its importance as an alternative instrument in generating income for UA survival, it has become one of the main agendas of the Government of Malaysia under the Ministry of Higher Education. However, its implementation is faced with a number of legal issues that need to be addressed appropriately by the country's authorities. This involves especially the need for the approval of the State Islamic Religious Councils (SIRCS/MAIN) as the sole trustees of waqf property in Malaysia, including that of the Federal Territories, to implement waqf, as well as the absence of tax incentives and reliefs to the waqf donors and UA institutions under the Income Tax Act 1967 (Act 53) which has made it difficult for waqf implementation in all UAs. This article discusses the problems faced today based on research undertaken concerning waqf using the qualitative method on the legal aspects involving higher educational institutions and the authors' experiences in handling waqf issues in Malaysia. The main findings are that these issues could be solved through some syariah and legal authorities of the Federal Constitution, waqf statutes, the Administration of Islamic Law statutes, as well as amendments to tax statutes, and the Council of Rulers.*

*Keywords: waqf, laws, State Islamic Religious Councils, higher educational institutions, public universities, Ministry of Higher Education*

## **PENDAHULUAN**

Wakaf merupakan suatu instrumen pembangunan pendidikan yang signifikan yang telah lama dimulakan semenjak zaman Rasulullah SAW lagi, khususnya menerusi institusi masjid pada ketika itu. Usaha ini kemudiannya berkembang pesat pada zaman Khalifah Islamiyyah melibatkan Khalifah Abbasiyyah, Ayyubiyyah, Mamalik dan Uthmaniyyah.

Universiti Cordova di Andalus, al-Azhar di Mesir dan Madrasah Nizamiyah di Baghdad adalah antara institusi pengajian terkenal



yang dibangunkan daripada sumber wakaf. Selain itu, Universiti King Abdul Aziz, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Universiti Islam Indonesia (UII) dan Vakif Üniversitesini di Turki turut melaksanakan wakaf dengan jayanya. Di Istanbul sahaja misalnya, bilangan universiti wakafnya melebihi 72 buah, dan bilangan ini dijangka bertambah dari semasa ke semasa.<sup>1</sup>

Di Malaysia, institusi pendidikan tinggi berteraskan wakaf dalam bentuknya yang formal dan moden bermula semenjak pertengahan abad ke-20 menerusi penubuhan Kolej Islam Malaya (KIM) pada tahun 1955 dengan perkenan Majlis Raja-Raja Melayu, dan seterusnya melahirkan Universiti Islam Malaysia (UIM) yang kekal hingga hari ini. Kini, pembangunan pendidikan tinggi UA yang menggunakan instrumen wakaf menjadi antara agenda terpenting pihak kerajaan dan menjadi instrumen alternatif dalam penjanaaan dana demi kelangsungan dan kelestarian UA di Malaysia.

## LATAR BELAKANG PELAKSANAAN WAKAF UNIVERSITI AWAM DI MALAYSIA

Universiti awam (UA) diberikan kuasa autonomi untuk menjana pendapatan sendiri bagi mencari dana untuk menampung kos pembangunan pendidikan tinggi. Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) pula, pihak kerajaan memberikan insentif kepada penubuhan tabung endowmen dan wakaf, selain menggalakkan sumbangan kepada pendidikan tinggi seperti menerusi penyediaan dana padanan (*matching fund*) untuk IPT pada peringkat awal penubuhannya. Bagi mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi negara, instrumen wakaf dilihat sesuai dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Dalam *University Transformation Programme Green Book* (UniTP Green Book) KPT, wakaf disebut sebagai salah satu instrumen penjanaaan pendapatan UA seperti yang berikut:

1 Siti Mashitoh Mahamood, & Asmak Ab. Rahman. (2015). Financing universities through *waqf*, pious endowment: Is it possible?. *Humanomics*, 31(4), 432.



*University Boards will be expected to activate more revenue generating activities to support growing costs. A high-performing Board will tap into their networks and relationships in order to drive income generation via levers such as gift-giving, corporate support, endowment development and waqf funds.<sup>2</sup>*

Bagi menyediakan garis panduan untuk membangunkan serta menguruskan dana wakaf dan endowmen, pihak KPT mengeluarkan buku *Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf Playbook (UniTP Purple Book)*. Buku ini membantu UA menjana dana dan menguruskan aktiviti komersial UA menerusi wakaf dan endowmen agar dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

Pelaksanaan wakaf ini juga tepat pada masanya untuk membantu UA berhadapan dengan masalah kewangan yang dihadapi kini, ekoran pengurangan subsidi dalam belanjawan operasi UA. Berdasarkan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) 2007, subsidi kepada UA dikurangkan daripada 90 peratus kepada 70 peratus menjelang tahun 2020. Meskipun peruntukan bajet kepada UA pada tahun 2018 meningkat sebanyak 13.15 peratus, iaitu daripada RM12.28 bilion kepada RM13.89 bilion,<sup>3</sup> namun perancangan strategik diperlukan bagi menambah dana dan harta melalui wakaf untuk menghasilkan pendapatan yang mampan demi kelestarian UA negara.

Wakaf juga perlu dilaksanakan segera kerana masyarakat Malaysia kini sudah bersedia menyumbang dana dan harta kepada UA kerana menyedari kepentingan UA kepada pembangunan negara yang melahirkan para intelektual dan profesional dalam pelbagai bidang kepakaran. Amalan wakaf ini bukan sahaja memupuk budaya bersedekah dan pewakaf mendapat ganjaran pahala yang kekal dan berterusan, malahan menanamkan sifat *taqarrub* kepada Allah SWT. Hal ini selaras dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Apabila mati anak Adam, maka terputuslah segala amalannya, kecuali tiga perkara: sedekah jariah (wakaf) atau ilmu yang

- 2 MOHE. (2015). *University Transformation Programme Green Book* (p. 23). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- 3 (t. n.). (2017). Bajet *Soaring Upwards*. *Berita Harian Online*. Capaian pada 7 November 2017.



dimanfaatkan atau seorang anak yang soleh yang mendoakan untuknya.

(*Sahih Muslim*)<sup>4</sup>

Bagi memastikan semua UA melaksanakan wakaf secara lebih terancang, Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh menyarankan agar setiap UA perlu menubuhkan tabung wakaf sebelum akhir tahun 2016 bagi menampung kos pembangunan pendidikan tinggi UA negara<sup>5</sup> dan menggesa pelaksanaannya di semua UA negara selewat-lewatnya pada 30 Jun 2017.<sup>6</sup>

Berdasarkan perkembangan terkini, terdapat 13 UA mula melaksanakan kutipan dan pembangunan wakaf di institusi masing-masing yang melibatkan Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM). Kutipan wakaf kini mencecah RM25.7 juta, meskipun aktiviti wakaf UA baru diperkenalkan pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, terdapat UA yang masih belum dapat melaksanakannya seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Utara Malaysia

4 Abu al-Husayn Muslim b. al-Hujjaj b. Muslim al-Qushayri, (t.t.). Bab ma yulhiq al-insan min al-thawab ba`d wafatihi. *Kitab al-Wasiyyah. Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi* (Jilid 11) (p. 85); Jamal al-Din Abi Muhammad `Abdullah b. Yusuf al-Zayla`i al-Hanafi (1938). *Nasb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah* (Jilid 3). India: Dar al-Ma'mun, p. 159.

5 (t.n.) (2016). Tabung Wakaf Tampung Kos Universiti. *Berita Harian*. 24 Ogos 2016.

6 Noranyza Mohamad Yusoff (2017). Ketua Progam (PMO), Pejabat Pengurusan Program (PMO). Data diperoleh menerusi aplikasi WhatsApp pada 6 November 2017. Situasi kekal sehingga hari ini.



(UUM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).<sup>7</sup>

## MASALAH DAN CABARAN PELAKSANAAN WAKAF UA

Terdapat beberapa masalah dan cabaran yang mengganggu dan menyukarkan wakaf dilaksanakan di UA, antaranya termasuklah:

1. Keperluan mendapatkan kebenaran dan kelulusan daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf bagi semua UA di negeri-negeri, termasuk Wilayah Persekutuan bagi melaksanakan wakaf; dan
2. Ketiadaan insentif dan pelepasan cukai kepada pihak pewakaf dan UA daripada Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53).

### Keperluan Mendapatkan Kebenaran dan Kelulusan daripada MAIN

Berdasarkan undang-undang negara, MAIN merupakan pemegang amanah tunggal bagi semua institusi wakaf yang diwujudkan di negeri-negeri. Sebagai contoh, seksyen 61 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) menyatakan:

Walau apa-apa pun peruntukan yang bertentangan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, *Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas*, semua nazr am, dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam

7 Siti Mashitoh Mahamood. (2017). Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15): Suatu ulasan menurut perspektif syariah dan undang-undang. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 29(2), 183 – 185.



atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum syarak, setakat mana-mana harta yang tersentuh olehnya dan terletak di dalam wilayah-wilayah persekutuan dan, jika pemberi harta itu atau orang lain yang mewujudkan amanah, wakaf atau nazar ‘am itu berdomisil di wilayah persekutuan, setakat semua harta yang tersentuh olehnya di mana-mana jua harta itu terletak.

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa sebarang pelaksanaan dan pengurusan wakaf hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada MAIN,<sup>8</sup> termasuklah pelaksanaan dan pengurusan wakaf di UA. Sehingga kini, sebahagian besar UA melaksanakan wakaf setelah mendapat kelulusan daripada MAIN masing-masing, dan masih terdapat UA yang belum berjaya melaksanakannya kerana masih dalam proses mendapatkan kebenaran daripada MAIN. Kelewatan ini menyebabkan UA tidak dapat membuat promosi, kutipan, agihan, dan seterusnya melaksanakan aktiviti pembangunan wakaf untuk manfaat dan keperluan UA dan warganya. Kebenaran dan sokongan yang diberikan oleh MAIN terhadap pelaksanaan wakaf membolehkan pelbagai program pembangunan dan promosi wakaf dilaksanakan di UA. Misalnya di USIM, Majlis Amanah Islam Negeri Sembilan (MAINS) memperuntukkan RM2 juta, iaitu RM1 juta daripada wakaf, manakala RM1 juta dibuat secara *qard al-hasan* kepada Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf (PPW) USIM bagi membina Klinik Pakar Kesihatan. Sikap keterbukaan MAINS dalam hal ini dapat dilihat apabila tiada sebarang MOA yang ditandatangani antara MAINS dengan USIM yang hanya dilaksanakan menerusi MOU semata-mata dan pelantikan USIM sebagai mutawalli dibuat tanpa had tempoh dengan syarat USIM menyediakan laporan kewangan dari semasa ke semasa pada setiap tiga bulan.<sup>9</sup>

8 Siti Mashitoh Mahamood. (2017). Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15): Suatu ulasan menurut perspektif syariah dan undang-undang. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 29(2), 183 – 185.

9 Temu bual bersama-sama Dato’ Dr. Haji Mohammad Haji Alias, Pengarah Pusat Pembangunan Wakaf (PPW), USIM pada 7 September 2015.



Universiti Putra Malaysia (UPM) pula di bawah pengurusan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) menjalankan pelbagai kempen dan promosi menarik untuk mengimarahkan wakaf dengan kebenaran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Antaranya termasuklah kempen wakaf RM50 bagi menyediakan ambulans baharu yang lengkap dengan fasiliti terkini dan canggih untuk Pusat Kesihatan Universiti (PKU) yang memberikan perkhidmatan kepada warga UPM.<sup>10</sup> Kesan positif daripada kempen yang dijalankan, seorang bekas pensyarah Fakulti Ekologi Manusia UPM, iaitu Dr. Hajah Hasnah Udin mewakafkan banglo beliau sebagai pusat jagaan warga emas dengan menamakan UPM sebagai penerima manfaat mutlak. Walau bagaimanapun, oleh sebab hartanah tersebut terletak di Negeri Sembilan, maka MAINS dilantik sebagai pemegang amanah<sup>11</sup> selaras dengan perundangan wakaf di Negeri Sembilan.

Sementara itu, di Universiti Malaya (UM), satu bahagian khusus yang berkaitan dengan wakaf, iaitu UMAWQAF ditubuhkan berkuat kuasa pada 15 Disember 2016 dan diletakkan di bawah tadbir urus Naib Canselor UM menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan UM yang bersidang pada 14 Disember 2016. Tujuan utama UM AWQAF ini ditubuhkan adalah untuk menjana pendapatan wakaf UM demi kepentingan dan kesejahteraan pelajar, kakitangan dan pesakit Pusat Perubatan UM (PPUM) yang memerlukan bantuan kewangan. Penubuhan UM AWQAF ini membolehkan UM membuat persiapan yang wajar bagi melaksanakan wakaf yang sedang dalam proses mendapatkan kebenaran daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

UM AWQAF kini melaksanakan aktiviti akademik yang berkaitan dengan wakaf seperti persidangan, bengkel, kursus, perundingan, serta kuliah dan ceramah yang berkaitan dengan wakaf. *MyWaqf* 2.0, iaitu kursus asas wakaf kali kedua yang

10 [http://www.wazan.upm.edu.my/artikel/dr\\_hjh\\_hasnah\\_wakaf\\_banglo\\_untuk-upm-36713](http://www.wazan.upm.edu.my/artikel/dr_hjh_hasnah_wakaf_banglo_untuk-upm-36713), akses pada 9 Februari 2018.

11 [http://www.wazan.upm.edu.my/artikel/dr\\_hjh\\_hasnah\\_wakaf\\_banglo\\_untuk-upm-36713](http://www.wazan.upm.edu.my/artikel/dr_hjh_hasnah_wakaf_banglo_untuk-upm-36713), akses pada 9 Februari 2018.





berkaitan dengan pembangunan *mawquf* (harta wakaf) diadakan pada 28 Februari 2018. Program tersebut menyentuh perkara yang melibatkan keperluan dan pelaksanaan pembangunan harta wakaf, serta aspek penjanaan pendapatan *mawquf* menerusi instrumen kontemporari dan pelibatan institusi kewangan dan perbankan.

Sebelum itu, pada 23 November 2017, UM AWQAF menganjurkan *MyWaqf* 1.0 yang merupakan kursus asas wakaf pertama yang menyentuh perkara asas wakaf dari segi konsep dan prinsip menurut hukum syarak, perundangan dan kaedah pembangunan asas wakaf, di samping perkara yang berkaitan dengan peletakan hak *mawquf*. Pada 23 – 24 Mei 2017 pula, Seminar Pembiayaan dan Pembangunan Wakaf IPT 2017 (SWIPT'17) anjuran Projek Penyelidikan *Long-Term Research Grant Scheme* (LRGS) Wakaf, Universiti Malaya tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang bertajuk *Financing, Development & Investment of Higher Educational Institutions Using Waqf Instrument: A Study in Malaysia and Some Selected Countries* (LRGS/2013/UKM-UM/SI/02)/(LR001A-2013B, LR001B-2013B & LR001C-2013B) dengan kerjasama Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Jabatan Syariah dan Ekonomi UM, serta UM AWQAF diadakan. Keperluan melaksanakan wakaf di UM ini mendapat perhatian daripada DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Dr. Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Tuanku Canselor UM semenjak tahun 2015 lagi.

Usaha gigih dan aktif dilaksanakan oleh UM AWQAF untuk mendapatkan kebenaran MAIWP bagi membolehkan kutipan wakaf dilaksanakan di UM. Beberapa siri perjumpaan, perbincangan dan perundingan diadakan dari semasa ke semasa melibatkan pihak berautoriti seperti YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP, YBhg. Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP dan pegawai kanan MAIWP, YBhg. Dato' Dr. Sallehuddin bin Ishak, Ketua Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), serta pihak Jabatan Peguam



Negara Malaysia. Berdasarkan perkembangan terkini menerusi rundingan dan perbincangan, wakaf berkemungkinan besar dapat dilaksanakan di UM dengan kebenaran MAIWP dalam tempoh terdekat. Menurut Ketua Pengarah Eksekutif MAIWP, kebenaran akan diberikan selewat-lewatnya pada Jun 2018 ataupun lebih awal dari tarikh itu, jika semua urusan dan proses kelulusan dapat disiapkan dengan sempurna.<sup>12</sup>

Dalam usaha pelaksanaan wakaf di UA, tidak dapat dinafikan bahawa pihak MAIN sukar untuk membenarkan pihak lain menjalankan aktiviti wakaf kerana pihak MAIN merupakan pihak yang paling berautoriti dalam pentadbiran dan pengurusan wakaf. Sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf menurut undang-undang negara, sudah pasti peranan ini berat kerana segala urusan wakaf negeri perlu diselia secara amanah bagi mengelakkan sebarang penyelewengan daripada berlaku. Atas dasar inilah, maka setiap permohonan UA untuk melaksanakan wakaf perlu diteliti dan sesetengah negeri seperti Selangor, Terengganu dan Perak mewujudkan peruntukan khusus yang berkaitan dengan wakaf UA. Seksyen 45 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15) misalnya memperuntukkan bahawa:

Mana-mana orang yang mentadbir atau menguruskan wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran bertulis daripada majlis atau perbadanan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM1000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Di bawah seksyen 45 Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 (Enakmen 1/2016) pula, penalti yang dikenakan lebih tinggi, iaitu denda tidak melebihi RM5000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya seperti yang berikut:

---

12 Kenyataan ini dikeluarkan semasa Perasmian Bengkel Pelaksanaan Dasar Wakaf Pendidikan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pada 8 Januari 2018 bertempat di MAIWP, Bangunan PERKIM, Kuala Lumpur.



Mana-mana orang yang menguruskan dan mentadbir wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran bertulis daripada majlis melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM5000, atau dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya.

Sama seperti negeri Terengganu, negeri Perak di bawah seksyen 43 Enakmen Wakaf (Perak) 2015 (Enakmen 9 Tahun 2015) memperuntukkan:

Mana-mana orang yang mentadbir atau mengurus wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran bertulis daripada majlis melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi negeri yang tidak mempunyai peruntukan khusus, klausa yang berkaitan dengan penghinaan kepada pihak berkuasa agama boleh digunakan seperti yang terdapat dalam undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Sebagai contoh, seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) di Bahagian III (Kesalahan yang Berhubungan dengan Kesucian Agama Islam dan Institusinya) memperuntukkan:

Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Dalam konteks ini, kesalahan penghinaan boleh berlaku apabila UA menguruskan wakaf tanpa kebenaran pihak MAIN, dan pihak MAIN mengeluarkan peringatan dan arahan tentang kesalahan



yang dilakukan. Tindakan seumpama ini dianggap menghina atau mengingkari dan melanggar perintah MAIN, sekali gus dianggap sebagai suatu penghinaan kepada DYMM Sultan atau Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua agama Islam negeri-negeri. Bagi mengelakkan kesalahan menguruskan wakaf secara tidak sah, maka UA perlu terlebih dahulu memohon secara rasmi dan bertulis kepada MAIN untuk melaksanakan kutipan wakaf, dan seterusnya membangunkan *mawquf*.

### **Ketiadaan Insentif dan Pelepasan Cukai kepada Pihak Pewakaf dan UA di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53)**

Pihak yang berwakaf (termasuk yang melaksanakan endowmen) pernah dibenarkan mendapatkan pengecualian menerusi potongan cukai pendapatan di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menyatakan:

*There shall be deducted pursuant to this subsection from the aggregate income of a person for the relevant year reduced by any deduction falling to be made for that year in accordance with subsection (1), an amount equal to any gift of money made by him in the basis year for that year to the Government, a State Government, a local authority or an institution or organisation approved for the purposes of this section by the Director General on the application of the institution or organisation concerned.*

Selain itu, institusi atau organisasi (UA) yang mendapat kelulusan menganjurkan kutipan wakaf di bawah subseksyen 44(6) juga dibenarkan mendapat potongan cukai pendapatan, selagi kebenaran yang diberikan masih berkuat kuasa.

Walau bagaimanapun, kini potongan cukai kepada pewakaf tidak lagi dibenarkan di bawah seksyen yang sama kerana konsep sumbangan yang dibenarkan di bawah seksyen berkenaan dikatakan tidak sesuai untuk tujuan wakaf (dan endowmen) kerana wakaf (dan endowmen) mempunyai konsep dan prinsipnya yang khusus. Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berpandangan bahawa adalah tidak sesuai konsep sumbangan yang mendapat kelayakan



potongan di bawah seksyen berkenaan meliputi wakaf (dan endowmen) kerana bagi kategori sumbangan, dana yang diterima akan digunakan terus secara langsung (*direct usage*) kepada benefisiarinya berbanding dengan wakaf yang perlu ditukar kepada aset kekal. Kehendak seksyen tersebut juga menyatakan bahawa sumbangan yang diperoleh tidak boleh digunakan untuk mencari keuntungan dan untuk tujuan komersial<sup>13</sup> yang relevan dengan wakaf, meskipun hasilnya disalurkan kepada benefisiari wakaf juga.

Ketiadaan insentif percukaian ini mengurangkan minat pewakaf untuk berwakaf yang sudah pastinya mengurangkan potensi pelaburan wakaf kepada UA. Masalah tersebut perlu ditangani segera supaya wakaf UA dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan tidak menjadi beban kepada pihak UA yang melaksanakannya.

## **AUTORITI DAN ASAS PERTIMBANGAN PELAKSANAAN WAKAF UA**


Berdasarkan masalah pelaksanaan wakaf UA yang disebutkan, terdapat beberapa autoriti perundangan dan konsep wakaf yang boleh diguna pakai untuk menangani cabaran yang dihadapi.

### **Kebenaran dan Kelulusan daripada MAIN**

Bagi masalah yang berkaitan dengan kesukaran mendapatkan kebenaran MAIN untuk melaksanakan wakaf UA, beberapa asas pertimbangan boleh menjadikan pelaksanaan wakaf UA diterima secara sah berdasarkan konsep pengurusan wakaf dan autoriti perundangan negara. Dalam prinsip pengurusan wakaf, sekurang-kurangnya terdapat tiga hierarki yang terlibat dalam pelaksanaan wakaf:

---

13 Norhasiah Hassan (2017). Ketua Penolong Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Pelepasan Cukai dalam Pelaksanaan Wakaf di Universiti. Kertas dibentangkan di Seminar Pembiayaan dan Pembangunan Wakaf IPTI 2017 (SWIPT'17), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 23 & 24 Mei 2017.



**Rajah 1** Model konsep hierarki pengurusan wakaf.

(Sumber: Siti Mashitoh, Norazzah, Suhaili, Asmak, & Azizi, Model Konsep Hierarki Pengurusan Wakaf, Hak Cipta Universiti Malaya, no. LY2017005400, 2017)<sup>14</sup>.

Model dalam Rajah 1 ini menjelaskan konsep asas hierarki pengurusan wakaf berdasarkan prinsip syariah yang melibatkan sekurang-kurangnya tiga hierarki utama, iaitu<sup>15</sup> aspek kawalan dan pemantauan (*al-nazir*), aspek pengurusan (*al-mutawalli*) dan perwakilan (*al-qayyim*). Keadaan ini menunjukkan bahawa hierarki pentadbiran dan pengurusan wakaf tidak diuruskan pada suatu peringkat sahaja seperti yang difahami oleh sesetengah pihak. Jika

14 Hasil penyelidikan Projek LRGS (LR001A-2013B) “Laws, Policy & Management of *Waqf* Financing, Investment & Development of Higher Educational Institutions: A Study in Malaysia & Some Selected Countries” yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh Mahamood. Projek ini merupakan subprojek ke-2 kepada Projek Induk LRGS/2013/UKM-UM/SI/02 yang bertajuk “Financing, Development & Investment of Higher Educational Institutions Using *Waqf* Instrument: A Study in Malaysia & Some Selected Countries” yang juga diketuai oleh Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh Mahamood. Terdapat dua lagi subprojek di bawah LRGS/2013/UKM-UM/SI/02, iaitu (LR001B-2013B) “Concepts & Principles of Financing, Investment & Development of Higher Educational Institutions Using *Waqf* Instrument” yang diketuai oleh Encik Azizi Che Seman dan (LR001C-2013B) “Models of *Waqf* Financing, Investment & Development of Higher Educational Institutions: A Study in Malaysia & Some Selected Countries” yang diketuai oleh Dr. Asmak Ab. Rahman.



proses pentadbiran dan pengurusan wakaf hanya tertumpu pada suatu hierarki sahaja, maka sudah pastilah kerja pelaksanaan wakaf akan menjadi beban untuk dilaksanakan secara efisien.

Meskipun MAIN merupakan pemegang amanah tunggal harta wakaf negara, namun pada hakikatnya, pelaksanaan wakaf oleh UA tidak bermaksud mengambil alih bidang kuasa MAIN untuk menguruskan wakaf. Berdasarkan hierarki pengurusan wakaf, MAIN yang dinaungi oleh DYMM Sultan atau Yang di-Pertuan Agong merupakan pihak tertinggi wakaf yang bertindak sebagai nazir wakaf yang perlu dihormati oleh UA. Pihak UA pula hanya merupakan pengurus wakaf yang bertindak sebagai pihak yang menguruskan (mutawalli) atau agen pengurusan wakaf (*qayyim*) di UA. Pihak UA akan menguruskan kutipan, agihan dan pembangunan wakaf UA bagi manfaat penerimanya yang terdiri daripada warga UA dalam kalangan para pelajar, staf yang memerlukan, serta keperluan pembangunan fizikal dan akademik UA. Segala aktiviti pembangunan wakaf berada di bawah kawalan dan pemantauan MAIN dan UA perlu melaporkannya kepada MAIN bagi maksud merealisasikan fungsi MAIN sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf negara berdasarkan perundangan yang berkuat kuasa. Perjanjian antara UA dengan MAIN ini dimeterai untuk memastikan pelaksanaan wakaf UA dapat dilaksanakan secara terkawal dan amanah.

Dari sudut struktur pengurusan wakaf UA pula, berdasarkan amalan sedia ada, keanggotaan MAIN selain UA menunjukkan bahawa pengurusan wakaf UA dilaksanakan secara bersama dengan MAIN. Dengan kedudukan hierarki tersebut jelaslah bahawa UA tidak mengambil alih kuasa MAIN, malah kedua-dua entiti tersebut signifikan dalam pengurusan wakaf di UA. Berdasarkan perundangan sedia ada, UA juga tidak boleh mengambil alih bidang kuasa MAIN dan MAIN perlu memahami kedudukan dan hakikat ini.

Malah, berdasarkan perbincangan, ketetapan dan perkiraan yang dibuat, terdapat beberapa peratusan agihan daripada hasil harta wakaf UA diperuntukkan kepada MAIN. Asas pemberian merujuk fi pengurusan bersama atau sebagai sebahagian daripada penerima manfaat. Perkara ini sangat penting untuk diperhatikan kerana wakaf UA merupakan suatu bentuk wakaf pendidikan (dan

perubatan jika berkenaan) yang biasanya mempunyai tujuan khusus yang ditetapkan sama ada oleh penyumbang mahupun pihak UA. Ringkasnya, wakaf UA lebih tepat diletakkan di bawah kategori wakaf khas.

Pemberian peratusan tersebut wajar jika dibuat berasaskan pelibatan signifikan MAIN untuk memajukan dan menguruskan wakaf bersama-sama UA atau jika mendapat persetujuan pewakaf ataupun jika pewakaf sememangnya meletakkan syarat khusus untuk agihan hasil *mawquf* kepada MAIN. Perkara ini wajar dibincangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia supaya suatu keputusan yang seragam diperoleh dan seterusnya dilaksanakan di seluruh persekutuan. Pelaksanaan keputusan fatwa ini di negeri-negeri dalam persekutuan merujuk fasal 2(b) perkara 38 Perlembagaan Persekutuan, iaitu menerusi persetujuan Majlis Raja-Raja.

Contoh peruntukan yang berkaitan dengan pemakaian nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan di negeri-negeri adalah seperti yang terdapat di Selangor di bawah subseksyen 52(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003) bahawa:

Jawatankuasa Fatwa hendaklah menerima pakai apa-apa nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyentuh perbuatan atau amalan yang dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja merupakan perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh persekutuan menurut fasal 2(b) perkara 38 Perlembagaan Persekutuan.

Fasal 2(b) perkara 38 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

Majlis Raja-Raja hendaklah menjalankan fungsinya bagi –  
b) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke persekutuan secara menyeluruh;

Bagi negeri-negeri (termasuk Wilayah-wilayah Persekutuan) yang belum mempunyai peruntukan seperti subseksyen 52(1) yang



digubal di Selangor, maka perkara yang berkaitan dengan pemberian peratusan yang dibincangkan wajar dibawa dalam perbincangan fatwa pada peringkat negeri masing-masing bagi membolehkan pelaksanaan pemberian peratusan kepada MAIN dapat dibuat dengan tepat menurut hukum syarak dan selaras dengan prinsip *maqasid syariah*. Jelasnya, pengurusan wakaf oleh UA tidak menyalahi undang-undang negara kerana terdapat beberapa klausa yang boleh dijadikan autoriti perundangan untuk membenarkan UA melaksanakan wakaf.

Di beberapa negeri yang mempunyai undang-undang wakaf yang khusus seperti Selangor, Terengganu dan Perak, telah ada peruntukan yang membenarkan pelantikan institusi lain untuk melaksanakan wakaf, termasuklah UA. Sebagai contoh, subseksyen 4(1) perenggan (b) dan (c) Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15) memperuntukkan perkara yang berikut:

- (1) Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf yang terletak di dalam Negeri Selangor dan hendaklah mempunyai kuasa untuk –
  - (a) mewujudkan perbadanan;
  - (c) melantik atau memberikan kebenaran bertulis kepada mana-mana orang untuk menjadi pentadbir atau pengurus dan memegang apa-apa *mawquf* bagi pihaknya; dan
  - (d) mengiktiraf pelantikan mana-mana pentadbir atau pengurus dalam keadaan yang mana *waqif* melantik pentadbir atau pengurusnya sendiri tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan oleh majlis.

Bagi negeri yang belum mempunyai peruntukan khusus seperti Enakmen 15, pemakaian klausa umum tentang kewajipan MAIN bagi kemajuan sosioekonomi orang Islam dalam undang-undang pentadbiran agama Islam negeri boleh diguna pakai. Klausa ini membenarkan MAIN bekerjasama dengan pihak lain untuk menguruskan wakaf, selain menggalakkan perjalanan apa-apa aktiviti bagi maksud kemajuan sosioekonomi orang Islam. Malah, MAIN dibenarkan menurut undang-undang untuk melakukan segala perbuatan yang difikirkan oleh MAIN dikehendaki atau suai manfaat.



Sebagai contoh, subseksyen 7(1) dan subseksyen 7(2) perenggan (b), (c) dan (g) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]<sup>16</sup> memperuntukkan:

- (1) Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam dalam Wilayah-wilayah Persekutuan selaras dengan hukum syarak.
- (2) Majlis hendaklah mempunyai kuasa, bagi maksud menunaikan kewajibannya di bawah subseksyen (1) -
  - (a) .....
  - (b) untuk menggalakkan penjalanan apa-apa kegiatan sedemikian oleh badan-badan atau orang-orang lain, dan bagi maksud itu untuk menubuhkan atau memperkembang, atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan, badan-badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa oleh Majlis atau secara bebas, dan untuk memberikan bantuan kepada badan-badan atau orang-orang lain yang ternyata kepada Majlis mempunyai kemudahan-kemudahan untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sedemikian, termasuklah pemberian bantuan kewangan dengan cara pinjaman atau selainnya;
  - (c) untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian bersama-sama dengan badan-badan atau orang-orang lain, termasuklah jabatan-jabatan atau pihak-pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan, atau sebagai ejen pengurus atau selainnya bagi pihak Kerajaan Persekutuan;
  - (d) .....
  - (e) .....
  - (f) .....
  - (g) untuk melakukan segala perbuatan yang difikirkan oleh Majlis dikehendaki atau suai manfaat.

16 Berkaitan dengan Kewajipan Majlis untuk kemajuan sosioekonomi orang Islam.



Selain peruntukan tersebut, klausa tentang perwakilan kewajipan dan kuasa MAIN dalam pengurusan wakaf boleh digunakan, iaitu menerusi penubuhan Jawatankuasa UA-MAIN dalam bentuk suatu Jawatankuasa Bersama seperti yang termaktub dalam peruntukan undang-undang MAIN yang sedia ada. Sebagai contoh, subseksyen 27(1) hingga subseksyen 27(3) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]<sup>17</sup> memperuntukkan:

- (1) Majlis boleh, melalui ketetapan, dan tertakluk pada syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, mewakilkan kepada pengerusi atau setiausaha atau kepada mana-mana jawatankuasa Majlis pelaksanaan mana-mana kewajipannya atau penjalanan mana-mana kuasanya.
- (2) Pelaksanaan kewajipan-kewajipan dan penjalanan kuasa-kuasa menurut perwakilan di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk pada kawalan dan arahan Majlis.
- (3) Pengerusi, setiausaha, atau jawatankuasa itu hendaklah memberitahu Majlis tentang semua tindakan dan perkara yang dilakukan olehnya atau oleh jawatankuasa itu menurut perwakilan di bawah subseksyen (1).

Pembentukan Jawatankuasa Bersama yang melibatkan keanggotaan MAIN dan UA ini selesai dilaksanakan kini oleh sebahagian UA yang mendapat kebenaran melaksanakan wakaf di institusi mereka.

Berdasarkan kupasan dan autoriti tersebut, jelaslah bahawa pelaksanaan wakaf oleh UA bukanlah sesuatu yang tidak berteraskan undang-undang ataupun mengganggu bidang kuasa MAIN, malah boleh dijadikan sebagai suatu usaha penggembleran bersama untuk memajukan ummah dan negara, dan juga dapat memupuk budaya berwakaf dalam kalangan masyarakat dermawan yang kini sudah mula menyumbang kepada UA.

Komitmen dan kerjasama MAIN amat diperlukan bagi membolehkan semua UA dapat melaksanakan wakaf. Tanpa

<sup>17</sup> Berkaitan dengan perwakilan kewajipan dan kuasa.



kebenaran MAIN, pengurusan wakaf di UA menyalahi undang-undang yang sedia ada dan pihak UA juga tidak dapat membuat promosi, kutipan, agihan dan pembangunan wakaf. Selain itu, UA juga tidak dapat menerima dan menguruskan kutipan wakaf walaupun terdapat individu yang menyatakan hasrat untuk berwakaf kepada UA. Tanpa sokongan MAIN, hasrat KPT dan Kerajaan Malaysia, serta Canselor UA tidak akan dapat direalisasikan.

### **Ketiadaan Insentif dan Pelepasan Cukai kepada Pihak Pewakaf dan UA di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53)**

Bagi isu percukaian pula, sewajarnya wakaf turut diberikan pelepasan cukai berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) seperti yang dibenarkan untuk sumbangan derma, dan seumpamanya kerana sumbangan wakaf dapat memberikan manfaat yang berpanjangan bukan sahaja kepada pewakaf (khususnya di akhirat), malah agama, bangsa dan negara juga mendapat kebaikannya.

Jika wakaf UA dapat dilaksanakan secara berterusan, tidak mustahil wakaf pendidikan tinggi di Malaysia mampu setanding dengan kehebatan Universiti al-Azhar di Mesir dan universiti berteraskan endowmen seperti Universiti Oxford dan Cambridge di United Kingdom, dan Universiti Harvard dan Universiti Yale di Amerika Syarikat. Universiti ini dapat membangunkan aktiviti akademik dan institusi mereka secara berdikari (*self-sustaining*) menerusi perolehan dana wakaf dan endowmen yang tinggi pada setiap tahun.

Berdasarkan kehebatan wakaf sebagai sedekah jariah, maka keberkatannya tidak hanya memberikan manfaat kepada UA semata-mata, malah keseluruhan negara dan ummah. Pengalaman wakaf al-Azhar sentiasa menjadi rujukan apabila Kerajaan Mesir pernah mendapat manfaat wakaf al-Azhar ketika negara mengalami masalah ekonomi.<sup>18</sup> Para pelajar dari pelbagai negara termasuk

18 Siti Mashitoh Mahamood, & Asmak Ab. Rahman. (2015). Financing universities through *waqf*, pious endowment: Is it possible?. *Humanomics*, 31(4), 432.



Malaysia mendapat banyak manfaat daripada wakaf sehingga kini.<sup>19</sup>

Wakaf UA ataupun IPT Malaysia boleh menjadi seperti Universiti al-Azhar dan seperti juga ikon wakaf dan endowmen negara lain termasuk Turki, United Kingdom dan Amerika Syarikat, jika kekangan dan halangan yang dibincangkan dapat diselesaikan dengan hikmah dan jayanya.

Insentif dan pelepasan cukai juga perlu diberikan kepada pihak pewakaf dan institusi UA di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53). Relif yang sama wajar diberikan juga kepada barangan dan perkhidmatan UA berdasarkan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta 762), serta Perintah-perintah Berkaitan dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan.

Pemberian insentif percukaian ini akan dapat menarik lebih ramai lagi pewakaf untuk menyumbang kepada UA, khususnya yang melibatkan para alumni kepada *alma mater* mereka yang meningkatkan lagi sumber pendapatan UA, serta membantu penanaan dana secara berterusan. Dengan adanya pelepasan cukai ini juga, bebanan kewangan UA akan dapat dikurangkan. Berdasarkan maklumat yang diperoleh, pihak KPT sedang dalam usaha bekerjasama dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk menyelesaikan isu percukaian ini.<sup>20</sup> Diharapkan agar usaha murni ini mencapai kejayaan demi memakmurkan lagi wakaf negara.

## PROSPEK DAN POTENSI WAKAF

Berdasarkan prestasi perkembangan positif UA yang melaksanakan wakaf, maka prospek dan potensi wakaf institusi pendidikan ini dilihat sangat positif. Jika MAIN membenarkan UA melaksanakan

19 Temu bual bersama Profesor Dr. Ibrahim Salah Hudhud, Rektor Universiti al-Azhar di Universiti al-Azhar, Kaherah pada 22 Februari 2016. Lihat juga Profesor Dr. Wan Kamal Mujani (2017). Kehebatan Wakaf sebagai Dana IPT dalam Tamadun Islam. Paper presented at Seminar Pembiayaan dan Pembangunan Wakaf IPT 2017 (SWIPT'17), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 23 – 24 Mei 2017.

20 Noranyza Mohamad Yusoff. (2018). Ketua Program, Pejabat Pengurusan Program (PMO). Data diperoleh menerusi aplikasi WhatsApp pada 28 Februari 2018.



wakaf, maka pembangunan pendidikan tinggi negara akan lebih cemerlang pada masa akan datang.

Selain status wakaf sebagai sedekah jariah dalam Islam dan keyakinan masyarakat kepada institusi UA, pemberian insentif percukaian dan pelepasan cukai yang melibatkan Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta 762), serta Perintah-perintah Berkaitan Cukai Barang dan Perkhidmatan akan menjadikan produk wakaf UA sebagai suatu yang menarik perhatian ramai untuk mewakafkan harta mereka kepada UA. Pelepasan cukai juga akan dapat mengurangkan bebanan kewangan yang perlu ditanggung oleh UA.

## **PELIBATAN MAJLIS RAJA-RAJA MELAYU**

Masalah pelaksanaan wakaf UA wajar diketengahkan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu kerana perkenan DYMM Raja-Raja Melayu akan dapat menjadikan pelaksanaan wakaf UA dan IPT lain bergerak secara lebih harmoni. Berdasarkan kedudukan DYMM raja-raja Melayu sebagai ketua agama Islam bagi negeri-negeri di Malaysia dan Yang di-Pertuan Agong bagi wilayah persekutuan dan negeri-negeri yang tidak beraja, maka raja-raja Melayu mempunyai kata pemutus yang paling berautoriti untuk menentukan keputusan yang berkaitan dengan agama Islam, termasuklah dalam perkara wakaf.

Sehubungan dengan itu, sebarang pandangan daripada DYMM raja-raja Melayu amat penting dalam pelaksanaan wakaf UA kerana menyentuh keistimewaan institusi yang mulia ini di negeri-negeri, termasuk wilayah persekutuan. Dengan kata lain, perkenan raja-raja Melayu mempunyai autoriti tertinggi dalam pelaksanaan wakaf UA. Perbincangan menerusi platform Majlis Raja-Raja Melayu dijangka dapat dibuat dengan lebih harmoni dan berkesan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sebahagian UA yang belum lagi dapat melaksanakan wakaf di institusi mereka. Tambahan pula, pelaksanaan wakaf UA melibatkan dasar negara kerana menjadi sebahagian daripada agenda Kerajaan Malaysia menerusi KPT dalam usaha memperkasakan UA.



Dalam konteks ini, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa DYMM Raja-Raja Melayu dan Yang di-Pertuan Agong menerusi Majlis Raja-Raja mempunyai fungsi yang sangat besar dalam soal berkaitan dengan dasar negara, selain yang berhubung dengan undang-undang dan amalan lain yang melibatkan Persekutuan Malaysia. Fasal (2) perkara 38 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

Majlis Raja-Raja hendaklah menjalankan fungsinya bagi –

- (c) memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong mengikut peruntukan Jadual Ketiga;
- (d) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh;
- (e) memperkenankan atau tidak memperkenankan apa-apa undang-undang dan membuat atau memberikan nasihat tentang apa-apa pelantikan yang di bawah Perlembagaan ini dikehendaki diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja atau dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja;
- (f) melantik anggota Mahkamah Khas di bawah fasal (1) perkara 182;
- (g) memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman, di bawah fasal (12) perkara 42, dan boleh menimbang teliti soal dasar negara (misalnya perubahan tentang dasar imigresen) dan apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut.

Dengan kuasa Majlis Raja-Raja untuk menimbang dan meneliti perkara yang berkaitan dengan dasar negara seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 38 Perlembagaan Persekutuan, maka agenda pelaksanaan wakaf UA dapat diperkenankan dan disokong sepenuhnya oleh Majlis Raja-Raja. Perkenan dan sokongan Majlis Raja-Raja akan dapat menjayakan agenda negara dan memberikan manfaat kepada agama dan ummah seluruhnya.

Selain itu, untuk memastikan wakaf UA dapat direalisasikan secara lebih berkesan lagi, sokongan dan perkenan Majlis Raja-



Raja sangat diperlukan untuk mendapatkan insentif dan pelepasan cukai berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta 762), serta Perintah-Perintah Berkaitan Cukai Barang dan Perkhidmatan di bawahnya. Persepakatan Majlis Raja-Raja Melayu terhadap isu tersebut diharap dapat membantu UA, kerajaan dan negara ke arah menjayakan pelaksanaan dan pengurusan wakaf pendidikan tinggi di UA dalam suasana harmoni tanpa persengketaan.

## KESIMPULAN

Wakaf merupakan suatu instrumen menjana pendapatan yang signifikan dan amat penting untuk memperkasakan pendidikan tinggi negara, khususnya UA. Kejayaannya akan menjamin masa depan negara dan ummahnya terbela. Sebarang cabaran dan masalah yang dihadapi oleh UA berkaitan dengan kuasa MAIN sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf, serta isu insentif dan pelepasan cukai boleh diselesaikan menerusi pemakaian beberapa autoriti syariah dan perundangan, termasuklah dengan perkenan Majlis Raja-Raja Melayu. Menerusinya, wakaf UA dapat direalisasikan dengan wibawa dan penuh hikmah. Begitu juga dengan pelaksanaan wakaf UA dengan sokongan padu MAIN akan dapat menjayakan amalan wakaf UA dan IPT supaya lebih efisien dan cemerlang, serta menyumbang kemajuan sosioekonomi ummah dan negara.

## PENGHARGAAN

Artikel ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dilaksanakan dari tahun 2012 hingga 2017 melibatkan beberapa geran penyelidikan yang diterima. Untuk itu, penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atas anugerah geran penyelidikan LRGS bagi menjayakan penyelidikan bertajuk “Laws, Policy & Management of *Waqf* Financing, Investment & Development of Higher Educational Institutions: A Study in Malaysia & Some Selected Countries” (LR001A-2013B) dan “Financing, Development & Investment of





Higher Educational Institutions Using *Waqf* Instrument: A Study in Malaysia and Some Selected Countries “(LRGS/2013/UKM-UM/SI/02).<sup>21</sup> Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Universiti Malaya atas anugerah geran penyelidikan bertajuk “Towards the Establishment of a Malaysian *Waqf* University: Conceptualization & Model for Development” (RG 284-11 HNE) dan “Establishment and Development of a Contemporary Malaysian *Waqf* University Model: Experience Learnt from Egypt, UK & US” (RP012D-13HNE). Begitu juga ucapan terima kasih diucapkan kepada semua responden yang terlibat sepanjang kajian ini berjalan yang melibatkan IPT wakaf dan endowmen di Turki, Mesir, United Kingdom, Amerika Syarikat, Kuwait, Maghribi dan Indonesia, serta IPT wakaf di Malaysia, MAIN dan institusi yang berkaitan dengan wakaf. Sekalung penghargaan ditujukan kepada Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman, iaitu Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara dan Dr. Arik Sanusi Yeop Johari, Pengarah Seksyen Syariah, Bahagian Penasihat Jabatan Peguam Negara yang memberikan pandangan profesional terhadap hasil penyelidikan yang dijalankan berkaitan dengan autoriti perundangan dalam pelaksanaan wakaf UA, khususnya untuk Universiti Malaya. Semoga hasil penyelidikan yang dijalankan ini dapat memberikan manfaat kepada ummah dan negara.

21 Projek LRGS/2013/UKM-UM/SI/02 ini mempunyai tiga subprojek di bawahnya, iaitu: Laws, Policy & Management of *Waqf* Financing, Investment & Development of Higher Educational Institutions: A Study in Malaysia & Some Selected Countries (LR001A-2013B) yang diketuai oleh Siti Mashitoh Mahamood; (LR001B-2013B) Concepts & Principles of Financing, Investment & Development of Higher Educational Institutions Using *Waqf* Instrument yang diketuai oleh Azizi Che Seman dan (LR001C-2013B) Models of *Waqf* Financing, Investment & Development of Higher Educational Institutions: A Study in Malaysia & Some Selected Countries yang diketuai oleh Asmak Ab. Rahman.



## RUJUKAN

- al-Qushayri, Abu al-Husayn Muslim b. al-Hujjaj b. Muslim. (n.d.). Bab ma yulhiq al-insan min al-thawab ba`d wafatihi. *Kitab al-Wasiyyah. Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi* (Vol. 11).
- Wazan online. (2017). Laman web Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM. Retrieved from [http://www.wazan.upm.edu.my/berita/ambulans\\_dengan\\_fasiliti\\_canggih\\_jadi\\_milik\\_upm\\_dengan\\_hanya\\_rm50-36711](http://www.wazan.upm.edu.my/berita/ambulans_dengan_fasiliti_canggih_jadi_milik_upm_dengan_hanya_rm50-36711) pada 9 Februari 2018.
- Wazan online. (2017). Laman web Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (Wazan) UPM. [http://www.wazan.upm.edu.my/artikel/dr\\_hjh\\_hasnah\\_wakaf\\_banglo\\_untuk\\_upm-36713](http://www.wazan.upm.edu.my/artikel/dr_hjh_hasnah_wakaf_banglo_untuk_upm-36713) pada 9 Februari 2018.
- Ibrahim Salah Hudhud. (2016, 22 Februari). Profesor Dr. (Rektor Universiti al-Azhar). Personal Interview. Universiti al-Azhar, Kaherah.
- Jamal al-Din Abi Muhammad `Abdullah b. Yusuf al-Zayla`i al-Hanafi. (1938). *Nasb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah* (Vol. 3). India: Dar al-Ma`mun.
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. (2007). *Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) 2007*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- Ministry of Higher Education, Malaysia. (2015). *Enhancing University Board Governance and Effectiveness. University Transformation Programme Green Book*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- Ministry of Higher Education, Malaysia. (2016). *Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf Playbook. University Transformation Programme Purple Book*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- Mohammad Haji Alias. (2015, 7 September). Profesor Dato' Dr. (Pengarah, Pusat Pembangunan dan Pembiayaan Wakaf (PPW) (2015). Personal Interview. Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.
- Noranyza Mohamad Yusoff. (2017). Ketua Program, Pejabat Pengurusan Program (PMO). Data diperoleh menerusi aplikasi WhatsApp pada 6 November 2017.
- Noranyza Mohamad Yusoff. (2018). Ketua Program, Pejabat Pengurusan



- Program (PMO). Data diperoleh menerusi aplikasi WhatsApp pada 28 Februari 2018.
- Norhasiah Hassan. (2017). *Pelepasan cukai dalam pelaksanaan wakaf di universiti*. Paper presented at Seminar Pembiayaan dan Pembangunan Wakaf IPT 2017 (SWIPT'17). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 23 – 24 Mei 2017.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Siti Mashitoh Mahamood, & Asmak Ab. Rahman. (2015). Financing universities through *waqf*, pious endowment: Is it possible?. *Humanomics*, 31(4), 430 – 453.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2017). Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15): Suatu ulasan menurut perspektif syariah dan undang-undang. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 29(2), 177 – 192.
- Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab. Rahman, Azizi Che Seman, Nor Azzah Kamri, Suhaili Sarif, Mohd. Zaidi Daud, Zaharah Hussin, Wan Marhaini Wan Ahmad, Norwati Mansor, & Zaite Abdul Aziz. (2017). Laws, policy & management of *waqf* financing, investment & development of higher educational institutions: A Study in Malaysia & some selected countries” (LR001A-2013B). (Hasil penyelidikan projek LRGS).
- Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab. Rahman, Azizi Che Seman, Wan Marhaini Wan Ahmad, Nor Azzah Kamri, Suhaili Sarif, Mohd. Zaidi Daud, Zaharah Hussin, Norwati Mansor, & Akhtar Zaite Abdul Aziz (2017). Financing, development & investment of higher educational institutions using *waqf* instrument: A study in Malaysia & some selected countries (LRGS/2013/UKM-UM/SI/02). (Hasil penyelidikan projek LRGS).
- (n.n.). (2016, 24 Ogos). Tabung wakaf tampung kos universiti. *Berita Harian*.
- (n.n.). (2017, 7 November). Bajet ‘Soaring Upwards’, *Berita Harian Online*.
- Wan Kamal Mujani. (2017). *Kehebatan wakaf sebagai dana IPT dalam tamadun Islam*. Paper presented at Seminar Pembiayaan dan Pembangunan Wakaf IPT 2017 (SWIPT'17). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 23 – 24 Mei 2017.

Diperoleh (*Received*): 20 November 2017

Diterima (*Accepted*): 27 Februari 2018